

21/02/1998

Kamaruddin janji tidak amalkan pilih kasih

TUMPAT, Jumaat - Naib Ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar yang diberi laluan memegang jawatan ketua bahagian itu berikrar untuk memastikan tidak berlaku penganiayaan atau pilih kasih dalam proses pemberian jawatan di peringkat bahagian berkenaan.

Menurutnya, beliau akan memastikan semua pihak diberi tempat dan kedudukan sewajarnya bagi menggerakkan perjuangan parti.

"Sekiranya proses peralihan jawatan utama seterusnya berjaya sehingga tamat tempoh pemilihan peringkat cawangan dan bahagian pada pertengahan Mac ini, soal rasa tidak puas hati segelintir ahli dengan jawatan yang diberi tidak akan berbangkit.

"Ini semua dibuat hasil perbincangan antara saya; Ketua Bahagian, Mansor Salleh dan Timbalan Ketua, Mat Nawawi Jusoh beberapa hari lalu untuk menentukan siapa yang layak dan berhak memegang jawatan dalam bahagian," katanya di sini, hari ini.

Pada majlis pengumuman penyerahan jawatan itu, di sini semalam, Mansor secara rasmi menyerahkan jawatan ketua bahagian kepada Kamaruddin. Mansor pula mengambil tempat timbalan ketua bahagian, manakala timbalannya, Mat Nawawi Jusoh memegang jawatan naib ketua.

Kamaruddin mengucapkan terima kasih kepada Mansor kerana mengambil inisiatif terbaik bagi mewujudkan muafakat jitu dalam menentukan barisan kepimpinan Umno Tumpat.

"Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sudah dimaklumkan muafakat ini dan memberi restu terhadap semangat muafakat yang kita wujudkan," katanya.

Kamaruddin berkata, beliau akan bekerja keras meningkatkan semangat perpaduan di kalangan ahli bagi memastikan agenda Umno merampas semula kerusi Parlimen Tumpat dan dua lagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN Kelaboran dan Pasir Pekan) daripada Pas tercapai.

(END)